

## **KEPIMPINAN BERTANGGUNGJAWAB: MEMBENTUK MODEL BERTERASKAN SPIRITUAL ISLAM**

Rafizul Rozlee  
*rafizul@upnm.edu.my*

Noor Azmi Mohd Zainol  
*noorazmi@upnm.edu.my*

Daud Mohamed Salleh  
*daud@upnm.edu.my*

Zahimi Zainol Abidin  
*zippy\_hj@yahoo.com*

*Universiti Pertahanan Nasional Malaysia*

### **ABSTRAK**

Usaha pembentukan sahsiah kepimpinan bukan hanya bertumpu kepada aspek intelektual, teknikal dan kemahiran seperti kaedah pembuatan keputusan dan kemahiran interpersonal semata-mata, tetapi ia perlu diselaraskan dengan mengambil kira pembangunan spiritual sebagai dasar kepada pembangunan pemimpin. Kajian sarjana terdahulu membuktikan bahawa kekuatan spiritual merupakan komponen penting dalam melahirkan pemimpin berkarisma dan memiliki daya kepimpinan berkesan. Dalam konteks pembangunan pelajar, pengabaian aspek spiritual dalam kajian kepimpinan menyebabkan kelompongan pemahaman terhadap lapisan kompleks dalam pembangunan kepimpinan dan ia sekaligus tidak dapat diterokai sepenuhnya. Kajian ini mengupas literatur tentang hubungan di antara kekuatan spiritual yang merangkumi tiga elemen iaitu akidah, ibadah dan akhlak yang menjadi teras terhadap keberkesanan kepimpinan bertanggungjawab. Selanjutnya, penelitian mendalam terhadap literatur berkaitan turut membuktikan bahawa aspek spiritual tidak boleh dipisahkan dengan kepercayaan agama dan seterusnya memberikan satu definisi alternatif yang konkrit terhadap kajian pengkaji Barat yang lazimnya mengaitkan spiritual dengan hubungan humanisme semata-mata. Secara spesifiknya, literatur atau penerokaan ilmiah bersabit hubungan antara spiritual dan kepimpinan pelajar perlu diperhalusi kerana faktor tersebut bakal mencorak tingkah laku, rasa tanggungjawab dan disiplin diri mereka sebagai bakal pemimpin terhadap kepimpinan serta organisasi. Kajian ini turut mencadangkan sebuah model konseptual dalam konteks tetapan Islam sebagai panduan dan boleh diukur keberkesannya dalam kajian-kajian yang akan datang.

**Kata kunci:** *akidah, ibadah, akhlak, spiritual Islam, kepimpinan bertanggungjawab*

## PENDAHULUAN

Sifat perhubungan unik kekuatan spiritual dan kepimpinan bertanggungjawab amat penting untuk dikupas dengan lebih mendalam memandangkan potensinya yang sangat signifikan dalam memahami proses pembangunan kepimpinan pelajar secara holistik. Kejayaan Sultan Muhammad Al-Fateh menawan Kota Konstantinopel perlu dijadikan contoh kekuatan hubungan di antara kekuatan spiritual dengan kepimpinan bertanggungjawab. Pencapaian beliau sebagai pemimpin dalam usia yang muda berupaya menjadi pembakar semangat kepada pemimpin-pemimpin muda khususnya para pelajar. Oleh yang demikian, kajian ini memfokuskan penerokaan terhadap literatur berkaitan bagi mencungkil elemen-elemen utama dalam hubungan di antara kekuatan spiritual dengan kepimpinan bertanggungjawab berdasarkan kajian-kajian sarjana. Kajian ini juga bertujuan membentuk model konseptual gabungan daripada elemen-elemen tersebut. . Selain itu, kajian literatur turut dijalankan bagi membuktikan bahawa spiritual adalah suatu entiti yang saling berkait dengan agama dan tidak boleh dipisahkan.

Pengkaji Barat seringkali mengaitkan spiritual dengan hubungan humanisme dan terpisah dari aspek agama. Walaupun terdapat banyak kajian berkenaan pembangunan kepimpinan dilakukan, masih terdapat jurang terhadap kajian mengenai korelasi di antara aspek spiritual dan kepimpinan pelajar. Ini disebabkan oleh kurangnya kajian mengenai perkembangan spiritual dalam dunia pendidikan tinggi. Ini disebabkan kerana kepelbagaian definisi bagi menjelaskan makna spiritual, serta kecenderungan pengkaji dalam dunia akademik yang lebih menekankan model saintifik dan rasional dalam kajian ilmiah abad ke-21 (Tisdell, 2003). Selain itu, kajian-kajian ilmiah yang dipelopori oleh sarjana Barat kebanyakannya lebih tertumpu kepada teori pembangunan kepimpinan secara generik dimana aspek spiritual tidak diberi perhatian yang spesifik dan mendalam (Love & Talbot, 2009).

Nilai kebertanggungjawaban seorang pemimpin merupakan elemen penting yang sewajarnya diterapkan secara total kepada generasi muda melalui pendekatan holistik. Mengambil kira faktor ini, penerapan konsep kepimpinan bertanggungjawab mesti dilakukan bermula dari akar umbi, dengan cara memperkenalkan konsep ini melalui pelbagai platform secara formal atau tidak formal. Ini termasuk pengukuhan kurikulum akademik yang boleh diterapkan kepada para pelajar dalam menyediakan mereka sebagai pemimpin masa hadapan. Ini demi memastikan kesinambungan kepimpinan negara serta keperluan perubahan sosial. Pemimpin masa hadapan bukan sahaja memerlukan mereka untuk memiliki kemahiran dan pengetahuan baru, tetapi perlu menunjukkan tahap kebijaksanaan emosi, spiritual dan kematangan yang tinggi (Astin & Astin, 2000).

Firma audit terkemuka iaitu PricewaterhouseCoopers telah mengendalikan '*PwC Global Economic Crime and Fraud Survey 2018*' pada tahun 2018 di mana sebanyak 124 responden adalah daripada 19 industri, yang juga melibatkan 4% organisasi kerajaan. Hasil tinjauan tersebut mendapati bahawa terdapat peningkatan dalam indeks jenayah kolar putih berlaku di Malaysia. Tahun 2018 mencatatkan peningkatan kepada 41% berbanding 24% pada tahun 2016. Daripada peratusan indeks pada tahun 2018, sebanyak 32% daripada kes salah laku atau penipuan yang dialami oleh syarikat perniagaan di Malaysia dilakukan oleh ahli pengurusan kanan yang

melibatkan pelbagai salah laku termasuk salah laku perniagaan, penyelewengan aset, rasuah dan korupsi. Perbuatan salah laku dan jenayah kolar putih dalam kalangan orang berpengaruh, berjawatan dan berprofil tinggi dalam sesebuah organisasi didapati berpunca daripada pelbagai faktor termasuklah pengabaian aspek integriti diri.

## **OBJEKTIF KAJIAN**

Objektif utama kajian ini adalah seperti berikut:

1. Mengenalpasti elemen-elemen utama kekuatan spiritual yang mempengaruhi kepimpinan bertanggungjawab.
2. Mencadangkan rekabentuk model konseptual bagi pengukuran hubungan di antara kekuatan spiritual dengan kepimpinan bertanggungjawab.

## **KAJIAN LITERATUR**

Spiritual menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2014) bermaksud berkaitan dengan atau bersifat rohani atau jiwa. Dalam hal ini, kekuatan spiritual juga bersinonim dengan kekuatan rohani yang bukan bersifat fizikal. Kekuatan spiritual merujuk kepada sistem kepercayaan beragama yang merangkumi tiga elemen teras iaitu akidah, ibadah dan akhlak. Sesuai dengan tetapan dalam konteks Islam, definisi kekuatan spiritual dalam kajian ini dirumuskan berdasarkan kajian-kajian literatur yang dihasilkan oleh pengkaji Islam iaitu al-Qaradawi (2001), Asmawati (2007), Mansur (2009) Iskandar (2012), dan Fariza et al. (2015).

Kebanyakan kajian sebelum ini yang berkaitan topik kaitan spiritual dan kepimpinan lebih banyak terarah kepada kajian di dalam konteks kepimpinan organisasi dan psikologi yang mana tidak secara spesifik kepada pelajar di institusi pendidikan tinggi. Kajian mengenai perkembangan spiritual dalam dunia pendidikan tinggi masih rendah dan ini telah mengehendak potensinya dalam memberi impak positif terhadap pembangunan kepimpinan secara holistik (Astin, Astin, & Lindholm, 2011).

Nilai-nilai spiritual yang mustahak dan kritikal sebagai elemen katalis kepada proses pembentukan seorang pemimpin antara lainnya merangkumi nilai integriti, kejujuran dalam komunikasi, dan rendah diri (Reave, 2005). Nilai integriti disifatkan sebagai mustahak sebagai sifat kepimpinan kerana integriti yang teguh memberi upaya kepada pemimpin untuk menonjolkan sikap dan tingkah laku yang beretika. Dalam hal ini, kepimpinan yang didasari dengan nilai spiritual memberi kesan yang positif bukan sahaja kepada kekuatan integriti seorang pemimpin, malahan juga kepada organisasi serta masyarakat sekeliling. Kepimpinan yang berpaksikan elemen spiritual juga dilihat mampu membawa kepada perubahan persepsi ke arah yang lebih maknawi, keluar dari kepompong kehendak materialistik, sekaligus membawa kepada pemikiran yang lebih holistik; iaitu mengambil pendekatan yang turut sama mementingkan keperluan manusia sejagat (Burke, 2006).

## **Kepimpinan Bertanggungjawab**

Sarjana Barat telah membangunkan Model Kepimpinan Bertanggungjawab khusus untuk menilai kaedah dan cara kerja yang berkesan dengan memfokuskan aspek kerjasama demi kebaikan masyarakat (Johnson et al, 2015). Penentuan parameter kepemimpinan bertanggungjawab dalam tahap strategik menunjukkan aspek tanggungjawab boleh menjadi aspek utama yang mencerminkan keberkesanan seorang pemimpin (Waldman & Galvin, 2008). Menurut Maak dan Pless (2006), Kepimpinan Bertanggungjawab tidak seharusnya dianggap sama dengan teori kepemimpinan tradisional yang lebih menjurus kepada kepemimpinan dari sudut pandang secara deskriptif. Sebaliknya, ia harus dilihat dengan lebih holistik melalui pendekatan normatif.

Dalam konteks Islam, kepemimpinan bertanggungjawab adalah bersinonim dengan elemen amanah ketuhanan (*divine trust*). Ia mencakupi hal ehwal urusan duniawi-ukhrawi dengan penekanan terhadap dwiperanan utama iaitu memelihara agama dan mengurus dunia. Ia berbeza dengan konsep kepemimpinan sekular Barat yang hanya menjurus kepada urusan duniawi-manusiawi semata-mata. Pentadbiran negara atau organisasi adalah amanah Allah dan seorang pemimpin yang dipilih memiliki kewajiban dalam melaksanakan tanggungjawab yang telah diamanahkan (Mohamad, Abdullah dan Adnan, 2012). Pemimpin bertanggungjawab secara penuh dalam menjamin serta menjaga segala kepentingan masyarakat dengan pendekatan yang memenuhi kehendak syarak. Yusoff dan Abdullah (2013) dalam literaturnya yang dipetik daripada Hamka (1973) mencadangkan empat sifat yang perlu dimiliki oleh pemimpin yang berjaya iaitu amanah (jujur), berani, bijaksana, dan bertimbang rasa.

Dalam hal ehwal kepemimpinan organisasi, terdapat dua perkara asas yang sewajarnya difahami dengan teliti serta jelas. Pertama; seseorang yang dipilih sebagai pemimpin dan menjawat kedudukan dalam hierarki pengurusan. Kedua; pemimpin itu perlu memiliki kebolehan menjana autoriti untuk memberi pengarahannya kepada orang di bawah seliaan mereka untuk melaksanakan sesuatu tugas. Kedua-dua asas ini sangat berkait rapat dengan hubungan di antara pemimpin dan kumpulan yang dipimpin. Oleh itu, dapat dilihat bahawa dalam Islam keutamaan mandat sebagai pemimpin adalah sangat berat, dan pemimpin yang dipilih lazimnya adalah daripada golongan yang diyakini beramanah dan berupaya menjalankan tanggungjawab. Manakala kumpulan yang dipimpin pula berkewajipan melaksanakan arahan selagi mana ia tidak bertentangan dengan syarak. Sebagaimana firman Allah dalam Surah an-Nisa ayat 58 yang bermaksud:

*‘Sesungguhnya Allah menyuruh kamu supaya menyerahkan segala amanah kepada ahlinya, dan apabila kamu menjalankan hukum di antara manusia, supaya kamu menghukum dengan adil. Sesungguhnya Allah memberi pengajaran yang sebaik-baiknya kepadamu. Sesungguhnya Allah sentiasa mendengar, lagi sentiasa melihat’.*

(al-Quran, 4:58)

## Spiritual dari Perspektif Barat

Dalam memahami taktifan spiritual di mana konsep-konsep yang berkaitan lazimnya dilihat multi-dimensi, amat penting juga untuk melihat definisinya berdasarkan pemahaman sarjana Barat. Ini membolehkan perbezaan dalam dua tetapan iaitu dari konteks Islam dan konteks Barat dapat dilihat dan seterusnya menggariskan perbezaan itu sebagai panduan memahami konteks spiritual. Mitroff dan Denton (1999) mentakrifkan spiritual sebagai satu usaha mencapai matlamat utama dalam kehidupan dan mematuhinya sepanjang hidup. Menurut Spilka (1993), spiritual harus dilihat sebagai teori konstruk multidimensi yang terbahagi kepada tiga kategori iaitu (1) Spiritual berorientasikan ketuhanan (*God-oriented*), (2) spiritual berorientasikan dunia yang menekankan hubungan dengan ekologi dan alam (*world-oriented*), dan (3) spiritual berorientasikan manusia (*humanistic/people-oriented*).

Para pengkaji Barat lebih cenderung dengan pandangan yang mengaitkan spiritual dengan humanisme semata-mata serta memisahkan agama dari konsep spiritual. Sebagai contoh, Frankl (1997) menyatakan spiritual hanyalah aspirasi manusia untuk hidup bermakna dan tidak langsung mengandungi makna agama. Pandangan ini disokong oleh Zohar dan Marshall (2000) yang bersetuju bahawa spiritual ialah kecerdasan untuk menghadapi persoalan mengenai makna kehidupan dalam konteks yang luas dan tidak semestinya berhubungan dengan agama. Menurut mereka, kecerdasan spiritual perlu dipisahkan dari kepercayaan agama supaya ia juga dapat digunapakai dan diseraskan kepada golongan yang mengambil pendekatan pemikiran ateis yang tiada kaitan dengan agama. Harus diakui bahawa Zohar dan Marshall (2000) adalah antara sarjana pelopor di mana karya akademik mereka tentang konsep spiritual telah menjadi sumber yang sering dirujuk terutamanya dalam bidang psikologi moden. Natijahnya, konstruk yang diutarakan dilihat hanya sesuai untuk memenuhi keperluan fahaman dan ideologi Barat yang sebahagian besarnya berfahaman sekular. Ini mewujudkan pandangan-pandangan sarjana selepas itu yang lebih bersifat universal dan pengasingan terhadap elemen formal keagamaan (Tajulashikin, 2014).

Walaupun tidak dinafikan bahawa aliran pemikiran Barat sering juga mengakui adanya daya spiritual dalam struktur keperibadian seseorang manusia, namun spiritual yang dimaksudkan oleh mereka ini bukanlah sesuatu yang dikaitkan dengan kepercayaan agama, tetapi hanya memfokuskan kebergantungan manusia pada sesuatu yang dapat dilihat. Oleh itu, perdebatan agama dan spiritual dimitigasi oleh para sarjana akademik dengan memilih sinonim yang pelbagai untuk dirujuk sebagai pengganti istilah. Maka, terbitlah sinonim yang sering digunapakai antaranya, spiritual sinonim dengan pencerahan, daya, kuasa yang lebih tinggi, sinergi, kesempurnaan, nilai, etika, dan, kebijaksanaan (Houston, 2014).

Ungkapan '*spiritual but not religious*' yang sering digunakan oleh sarjana Barat menunjukkan kecenderungan memisahkan perihal spiritual dan agama di mana ia dilihat sebagai dua konstruk yang berbeza. Sebagai contoh, Thoresen (1998) mentakrifkan agama sebagai sistem kepercayaan, amalan, ritual dan simbolik yang teratur, manakala spiritual adalah hal yang melibatkan hubungan seseorang dengan bentuk 'kuasa' yang lebih tinggi. Spiritual ditakrifkan oleh beberapa penulis sebagai sesuatu yang berlaku secara individu atau melalui pengalaman

peribadi (Houston & Sokolow, 2006; Speck, 2005) dan dianggap sebagai ‘hal yang berkaitan dengan hati nurani’ yang tidak boleh dipertikaikan oleh orang lain. Oleh itu, ia mewujudkan pemisahan konseptual antara spiritual dan agama. Spiritual juga didefinisikan sebagai satu usaha mencapai matlamat utama dalam kehidupan dan mematuhi sepanjang hidup, memotivasikan seseorang individu untuk mencari makna, serta membangunkan falsafah tentang sebab kewujudan mereka dalam kehidupan (Mitroff & Denton, 1999, Astin et al., 2011; Fry, 2003; Schneiders, 2003; Tepper, 2003; Welch & Koth, 2013). Ini menunjukkan bahawa spiritual dari pemahaman Barat tidak berkaitan dengan aspek agama sebagai manifestasi penyembahan kepada Tuhan, dan ketiadaan unsur agama membuktikan spiritual yang dimaksudkan oleh mereka ini hanya semata-mata memfokuskan kepada unsur manusiawi.

Tidak dapat dinafikan bahawa fahaman sekularisme Barat dilihat banyak mendominasi perkembangan ilmu kontemporari moden pada masa kini. Dominasi fahaman sedemikian dilihat telah mewujudkan jurang pemisah yang nyata antara spiritual dan agama yang akhirnya mewujudkan teori - teori falsafah yang sering dirujuk dalam kajian ilmiah kontemporari sehingga kini.

### **Spiritual menurut Pespektif Islam**

Manusia memerlukan unsur pembangunan insan yang berbentuk fizikal, mental dan aspek spiritual. Keperluan spiritual ini berkait rapat dengan unsur-unsur ketuhanan meliputi keperluan keselamatan, kasih sayang, kepercayaan, keimanan, kesetiaan, kuasa, prestij, status dan keyakinan diri (Nusair & Nairn, 1985). Perspektif Islam terhadap spiritual adalah berbeza daripada pemahaman sekular. Ianya berakar umbikan al-Quran dan Sunnah yang menyokong dan membina corak tingkah laku, amalan dan ritual yang telah ditetapkan (Mahjabeen & Shamsul, 2015).

Dalam konteks Islam, spiritual amat signifikan peranannya dalam diri seorang pemimpin. Penghayatan Islam dalam kepimpinan secara keseluruhannya hanya dapat dibentuk apabila terdapatnya kesatuan dalam penghayatan akidah, ibadah dan akhlak (Daud, 2017). Sebagaimana Firman Allah dalam surah al-Bayyinah (ayat 5) yang bermaksud:

*“Pada hal mereka tidak diperintahkan melainkan supaya menyembah Allah dengan mengikhhlaskan ibadat kepada-Nya, lagi tetap teguh di atas tauhid; dan supaya mereka mendirikan sembahyang serta memberi zakat. Dan yang demikian itulah Agama yang benar.”*

(al-Quran, 98 : 5)

Ini jelas menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang kuat di antara faktor akidah, ibadah dan akhlak yang ditakrifkan sebagai elemen utama yang membentuk kekuatan spiritual. Al-Qaradawi (2001) menyatakan bahawa korelasi antara akidah dan syariah boleh diterjemahkan ke dalam perbuatan ibadah kepada Allah sebagai bukti keimanan. Ia adalah manifestasi terhadap

akidah meliputi setiap perbuatan dan tindakan yang mana tidak terhad kepada perbuatan berdoa, berpuasa, menunaikan zakat fardu haji semata-mata.

Menurut Suriani *et al.* (2018) dan Fariza *et al.* (2015), Imam Al-Ghazali (1998) menjelaskan bahawa elemen yang membentuk spiritual seseorang adalah *al-qalb* (hati), al-ruh (roh), *al-nafs* (jiwa) dan *al-'aql* (akal). Komponen spiritual atau al-nafs menurutnya terdapat tiga tahap. Tahap yang paling rendah ialah al-nafs al-ammarah. *al-Nafs al-ammarah* bermaksud jiwa yang penuh dengan kemarahan, pemberotakan dan kerosakan. Tahap jiwa pertengahan ialah al-nafs al-lawwamah iaitu jiwa yang penuh dengan penyesalan. Pada satu ketika mereka beriman dan pada satu saat mereka melanggar perintah Allah SWT tetapi mereka sedar dan merasa menyesal serta bertaubat kepada Allah SWT. Manakala tahap jiwa yang paling tinggi ialah al-nafs al-mutma'innah, iaitu jiwa yang tenang. Menurut al-Ghazali lagi, jiwa manusia harus ditransformasikan menuju kesempurnaan iaitu bermula dari yang bersifat al-nafs al-ammarah hinggalah kepada peringkat hati yang tenang lagi suci bersih yang dinamakan sebagai al-nafs al-mutmainnah (Fariza, 2015). Dalam konteks Islam, spiritual atau kerohanian mempunyai hubungan langsung dengan Allah SWT. Al-Quran dengan jelas menegaskan tentang roh sebagai salah satu urusan Tuhan yang tidak didedahkan kepada pengetahuan manusia melainkan hanya sedikit sahaja. Firman Allah SWT yang bermaksud:

*Dan mereka bertanya kepadamu tentang roh. Katakan: Roh itu dari perkara urusan Tuhanku dan kamu tidak diberikan ilmu pengetahuan melainkan sedikit sahaja.*

(Al-quran, Al-Isra', 17: 85)

Menurut Suriani *et al.* (2018) lagi, Islam sangat menitik beratkan spiritual atau kerohanian. Malah spiritual merupakan perkara penting untuk membangunkan peribadi dan tingkah laku seseorang pemimpin dan penekanan terhadap elemen spiritual adalah sangat perlu bagi mengurangi penglibatan pemimpin dalam salah laku sosial dan kegiatan tidak bermoral. Pembentukan spiritual yang dibangunkan perlulah berasaskan kepada tiga elemen utama iaitu pembentukan iman, takwa dan kesedaran akan balasan pada hari akhirat. Ketiga-tiga elemen ini sekiranya dipasakkan ke dalam diri seseorang akan menahannya dari melakukan perbuatan keji, mungkar dan maksiat seterusnya mendorongnya untuk sentiasa melakukan kebaikan dan perbuatan terpuji. Ketiga-tiga elemen ini memberi implikasi kepada keperluan menanam iman, takwa dan percaya kepada akhirat untuk melahirkan pemimpin yang soleh dan berperibadi mulia.

Tajul Ariffin dan Nor'Aini (2002) secara umum menyatakan fungsi ibadah dalam membentuk akhlak dan melembutkan santun adab. Dalam hal ini, akidah yang kuat mampu memandu seseorang untuk memenuhi tanggungjawabnya sebagai seorang Muslim, dengan melakukan ibadah kepada Allah. Ibadah dalam apa jua bentuk akan membawa kesan positif kepada akhlak, kerana orang yang melakukan ibadah akan melatih diri mereka untuk mematuhi prinsip syariah sebagaimana yang digariskan oleh al-Quran dan al-Sunnah.

Hal ini turut dikupas oleh Mahmud (2007) dalam kajiannya yang bertajuk ‘Kajian Islam Tentang Akhlak dan Karakteristiknya’. Dapatan beliau menyatakan bahawa keteguhan akidah (jiwa) merupakan suatu risalah moral (akhlak) yang mencakupi keseluruhan hidup sebagai seorang Muslim. Ini jelas membuktikan bahawa pemahaman spiritual dari konteks Islam memfokuskan pendekatan melalui nilai-nilai wasatiah dengan penekanan terhadap aspek akidah, ibadah dan akhlak yang berupaya membentuk peribadi seorang Muslim.


Dalam aspek Islam, amalan duniawi dan keyakinan terhadap ketuhanan adalah dua perkara yang berbeza. Spiritual dalam Islam pada hakikatnya adalah melaksanakan kewajipan agama dan amalan ritual wajib yang perlu dilaksanakan oleh setiap muslim terhadap Tuhan Yang Maha Esa (Al-Attas, 1993; al-Qaradawi, 2010; Mawdudi, 2010; Fatimah, 2013). Justeru, apabila kecerdasan spiritual dan nilai agama cuba dipisahkan, konsep yang diutarakan hanya akan memberikan manfaat dan keuntungan duniawi yang sementara. Ini seterusnya bakal menatijahkan kemerosotan nilai spiritual dalam amalan beragama. Ia seolah-oleh membawa konotasi bahawa seseorang itu mahu beragama tetapi tidak mahu bertuhan. Sikap dan andaian yang sedemikian tidak bersesuaian untuk diamalkan oleh masyarakat Islam yang sama sekali tidak memisahkan antara spiritual dan agama. Korelasi antara kedua-dua elemen penting ini pada hakikatnya amat jelas dalam memandu kehidupan seorang Muslim. Justeru, berdasarkan sorotan literatur di atas, disimpulkan bahawa konsep kekuatan spiritual dari persektif Islam tidak boleh dipisahkan dengan elemen agama dan merangkumi tiga teras iaitu iaitu akidah, ibadah dan akhlak. (al-Qaradawi, 2001; Mahmud, 2007; Asmawati, 2009; Iskandar, 2012; Burhanuddin, 2015).

Kecerdasan spiritual sebagai elemen penting dalam membentuk kepimpinan. Pembentukan kecerdasan spiritual yang mantap mampu memangkin proses pembentukan cara gaya kepimpinan yang berkesan khususnya kepimpinan transformasi di Malaysia. Penguasaan kecerdasan spiritual berpotensi menyumbang ke arah pembentukan cara gaya kepimpinan. Kepimpinan pada tahap yang tinggi merupakan individu yang memiliki tahap kecerdasan spiritual yang tinggi dan berpotensi menyumbang ke arah pembinaan bentuk kepimpinan yang positif (Suriani et al., 2018; Naqiuddin et. al., 2012; Faizatul, 2016).

Bagi membentuk sebuah model kepimpinan bertanggungjawab berteraskan kekuatan spiritual Islam, maka elemen-elemen seperti yang telah dibincangkan dalam perenggan terdahulu telah diadaptasikan. Rajah 1 menunjukkan model konseptual bagi yang dibina berdasarkan kepada kajian literatur sarjana terdahulu serta bukti-bukti yang merangkumi teoritikal dan empirikal. Antara teori dan model-model yang menyokong pembinaan kerangka konseptual ini ialah Teori Konstruktif-Pembangunan oleh Robert Kegan (1982), Model Kajian Kepimpinan Multi Institusi (*Multi-Institutional Study of Leadership*) oleh *National Clearinghouse for Leadership Program* (2010), Model Pengukuran Religiositi Muslim (*The Muslim Religiosity-Personality Inventory - MRPI*) oleh Krauss et al. (2006), Instrumen Amalan Islam (*Islamic Practice Instrument - IPI*) oleh Fariza (2011), Skala Kepimpinan Bertanggungjawab Sosial (*The Socially Responsible Leadership Scale - SRLS*) oleh Tracy Tyree (1998), dan Model Perubahan Sosial Pembangunan Kepimpinan (*The Social Change Model of Leadership Development*) oleh Institut Penyelidikan Pengajian Tinggi, *University of California* (1996). Teori tersebut disokong pula dalam kupasan kajian-kajian



empirikal yang telah dilaksanakan oleh para pengkaji iaitu Stonecipher (2015), Konrath (2013) dan Dugan et al (2009).



Rajah 1: Model Kepimpinan Bertanggungjawab Berteraskan  
Kekuatan Spiritual Islam

## **KESIMPULAN**

Kajian literatur ini telah mencadangkan sebuah model konseptual kepimpinan bertanggungjawab berteraskan kekuatan spiritual Islam berdasarkan kajian literatur para sarjana terdahulu. Dari sudut kajian empirikal, penyelidikan tentang kepimpinan yang lebih banyak didominasi oleh sarjana Barat tidak mengambil kira korelasi dengan elemen-elemen spiritual. Oleh demikian, jurang yang diterokai dalam kajian literatur ini dijangkakan berupaya menyumbang sebagai asas kepada pembentukan teori hubungan kepimpinan bertanggungjawab dengan kekuatan spiritual dalam tetapan Islam. Kajian literatur ini juga meneroka lebih banyak literatur bagi membuktikan bahawa spiritual dan agama tidak boleh dipisahkan. Ini bagi menjawab teori sarjana Barat yang cenderung memisahkan kedua-dua konstruk tersebut. Sorotan literatur ini sekaligus membina model bagi melihat perkaitan di antara kekuatan spiritual Islam dan kepimpinan bertanggungjawab serta memberikan suatu pernyataan yang dapat dikembangkan sebagai topik kajian lanjut kepada pengkaji seterusnya. Dalam konteks kepimpinan pelajar khususnya dalam kalangan pelajar IPT di Malaysia, korelasi ketiga-tiga dimensi ini diyakini mampu menyumbang dalam pembentukan teori yang boleh dirujuk untuk kajian pengkaji selanjutnya.

## **PENGHARGAAN**

Penyelidikan ini dibiayai oleh Universiti Pertahanan Nasional Malaysia melalui Geran Penyelidikan Jangka Pendek 2019-2021 bertajuk “Dimensi-dimensi Kejayaan Sultan Muhammad Al-Fateh Dalam Penaklukan Kota Konstantinopel” (UPNM/2019/GPJP/SSI/1).

## RUJUKAN

- Al-Quran.
- Al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad ibn Muhammad. (1998). *Ihya' Ulum al-Din*. Jil 3. Kaherah: Dar al-Hadis
- Al-Qaradawi, Y. (2010). *Islam: An introduction*. Kuala Lumpur: Islamic Book Trust.
- Al-Attas, S. M. N. (1993). *Islam and secularism*. Kuala Lumpur: International Institute of Islamic Thought and Civilization, International Islamic University Malaysia.
- Alexander W. Astin, Helen S. Astin, Jennifer A. Lindholm (2011), *Cultivating the Spirit: How College Can Enhance Students' Inner Lives*. San Francisco, Calif.: Jossey-Bass.
- Asmawati. (2007). Pengajaran adab & akhlak islam dalam membangunkan modal insan. *MALIM: Jurnal Pengajian Umum Asia Tenggara*, 8 . pp. 167-178. ISSN 1511-8393
- Astin, A.W. & Astin, H.S. (2000). *Leadership reconsidered: Engaging higher education in social change*. Battle Creek, MI: W.K. Kellogg Foundation
- A publication of the National Clearinghouse for Leadership Programs National Association of Student Personnel Administrators, & American College Personnel Association (2004). *Learning reconsidered: A campus-wide focus on the student experience*. Washington Authors.
- Burhanuddin Jalal (1997). Kesatuan Akidah, Ibadat dan Akhlak Membentuk Insan Muslim. *Berita Tentera Darat Malaysia*. Bil 199/97.
- Burke, R. (2006). Leadership and spirituality. *Foresight: The Journal of Futures Studies, Strategic Thinking and Policy*, 8(6), 14-25.
- Dugan, John & Correia-Harker, Benjamin & Kodama, Corinne. (2013). *Multi-Institutional Study of Leadership insight report: Leadership program delivery*.
- Faizatul Najihah, M.A., & Faudzinaim, B. (2016). Nilai-nilai Kerohanian Dalam Pembangunan Modal Insan Menurut al-Ghazali. *International Journal of Islamic and Civilization Studies*. Vol 3. No 1. Hal 10- 27
- Fariza Md Sham, Siti Rugayah Hj Tibet, Khairul Anwar Mastor, Ahmad Redzuwan Mohd Yunus, Zainab Ismail & Salasiah Hanin Hamjah. (2011). *Laporan Penyelidikan. Instrumen Pengamalan Ajaran Islam untuk Remaja*. Bangi: Universiti Kebangsaan. Malaysia.
- Fariza, M.S. Salasiah Hanin, H., M. Jurairi, S. (2015). *Personaliti Menurut al-Ghazali*. Bangi: Penerbit UKM.
- Fatimah Abdullah (2013). Psychology and theology of submission: Understanding Islamic religiosity and spirituality. Paper presented at the 1st World Congress on Integration & Islamisation of Acquired Human Knowledge (FWCII 2013). 23-25 August 2013.
- Frankl (2007). Man's searching for meaning. In Okan, Nesrullah & Eksi, Halil. (2017). *Spirituality in Logotherapy*. *SPIRITUAL PSYCHOLOGY AND COUNSELING*. 2. 10.12738/spc.2017.2.0028.
- Fry, Louis. (2003). Toward a Theory of Spiritual Leadership. *The Leadership Quarterly*. 14. 693-727. 10.1016/j.leaqua.2003.09.001.
- Higher Education Research Institute. (1996). *A social change model of leadership development*. (3rd ed.) Los Angeles: Author.
- Hogendorp, M. (2012). The relationship of student involvement in political organizations to self-reported capacities for socially responsible leadership. Available from ProQuest Dissertations and Theses

- Houston, G. G. (2014). *Spirituality and leadership: Integrating spirituality as a developmental approach of improving overall leader effectiveness* (Doctoral dissertation). Retrieved from ProQuest Dissertations and Theses.
- Houston, P. & Sokolow, S., 2006. *The spiritual Dimension of Leadership. Eight Key Principles to Leading More Effectively*, Corwin Press, Thousand Oaks, CA.
- Iskandar (2012). Lokus Kecerdasan Spiritual Dalam Perspektif Al-Qur'an. *Suhuf*, 5, 37–50
- Johnson, Matthew R.; Johnson, Erica L.; and Dugan, John P.. (2015). *Developing Socially Responsible Leadership and Social Perspective-Taking in Fraternities and Sororities: Findings From a National Study*. *Oracle: The Research Journal of the Association of Fraternity Advisors*, 10, 1: 1-13, 2015. Retrieved from Loyola eCommons, School of Education: Faculty Publications and Other Works,
- Kamus Dewan Edisi Keempat, Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur, cet. 4., tahun 2010.
- Kegan, R. (1982). *The evolving self*. Cambridge, MA: Harvard University Press.
- Konrath, S. (2013). *A critical analysis of the Interpersonal Reactivity Index*. MedEdPORTAL Directory and Repository of Educational Assessment Measures (DREAM).
- Krauss, Steven & Hamzah, Azimi & Rumaya, Juhari & Hamid, Jamaliah. (2005). *The Muslim Religiosity-Personality Inventory (MRPI): Towards Understanding Differences in the Islamic Religiosity among the Malaysian Youth*.
- Love, P., & Talbot, D. (2009). *Defining Spiritual Development: A Missing Consideration for Student Affairs*. *Journal of Student Affairs Research and Practice*, 46(4)
- Maak, T., and Pless, N. (2006a). *Responsible leadership in a stakeholder society - a relational perspective* *Journal of Business Ethics*, 66, S. 99 – 115
- Mahjabeen A. & Shamsul K. (2015) *A Model of Spirituality for Ageing Muslims*. Springer Science+Business Media New York
- Mahmud Thohier (2007). *Kajian Islam Tentang Akhlak Dan Karakteristiknya*. MIMBAR – Jurnal sosial dan Pembangunan. Pusat Penerbitan Universitas Islam Bandung – Vol.23, No. 1.
- Mansur. (2009). *Pendidikan Anak Usia Dini dalam Islam*. Yogyakarta: Pustaka Pelajar
- Mawdudi, A. A. (2010). *Towards understanding Islam*. Kuala Lumpur: Dar Al Wahi Publication.
- Mitroff, I. I., & Denton, E. A. (1999). *A spiritual audit of corporate America: A hard look at spirituality, religion and values in the workplace*. San Francisco, CA: Jossey-Bass, Inc.
- Mohamad, S., Abdullah A.N, dan Adnan M.A. (2012). *Rahsia Kepimpinan Islam dan Kejayaan Negara Menurut Huraian al-Quran*. *Proceedings: The 2<sup>nd</sup> Annual International Quranic Conference 2020*, 343-357.
- M.Naqiuddin, D.A., Mariani, M., & Siti Nor, Y. (2012). *Kecerdasan Spiritual Dan Cara Gaya Kepimpinan Dalam Kalangan Pemimpin Remaja Di Malaysia*. *Malaysian Journal of Youth Studies*. Jilid 7. ISSN 2180-1649 Dis 2012
- Nusair, Nairn (1985), "Human Nature and Motivation in Islam", *The Islamic Quarterly*, Vol. XXXIX, No. 2, 3rd Quarter, h. 152.
- PricewaterhouseCoopers. (n.d.). *PwC's Global Economic Crime and Fraud Survey 2020*. Retrieved July 8, 2019, from <https://www.pwc.com/gx/en/services/advisory/forensics/economic-crime-survey.html>
- Reave, Laura. (2005). *Spiritual values and practices related to leadership effectiveness*. *The Leadership Quarterly*. 16. 655-687. 10.1016/j.leaqua.2005.07.003.
- Schneiders, Sandra Marie "Religion vs. Spirituality: A Contemporary Conundrum." *Spiritus* 3, no. 2 (Fall 2003): 163-85. Reprinted in *St. Augustine Papers* 9, no. 1 (2008): 23-53

- Speck, Bruce. (2005). What is spirituality? *New Directions for Teaching and Learning*, 2005. 3 - 13. 10.1002/tl.207.
- Spilka, B. (1993). Religion in adult life. In Kastenbaum (Ed.) *Encyclopedia of adult development*. 369-401. Phoenix, ZA: Oryx Press.
- Stonecipher, P. R. (2015). Leadership development of college students and the influence of spiritual growth (Doctoral dissertation). Available from ProQuest Dissertation and Theses (Order No. 3705940).
- Suriani, S., Fariza, M.S., & Phayilah, Y. (2018). Pembentukan Spiritual menurut Islam sebagai Solusi dalam Menangani Permasalahan Sosial Spiritual. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah Vol 5 Bil 2* (2018)
- Tajulashikin, Nor Faizah (2014). Perbandingan Konsep Kecerdasan Spiritual Dari Perspektif Islam Dan Barat: Satu Penilaian Semula. *Proceeding of the International Conference on Arabic Studies and Islamic Civilization iCasic*(e-ISBN 978-967-11768-4-9), 4-5 March 2014, Kuala Lumpur, MALAYSIA.
- Tajul Ariffin Noordin & Nor'Aini Dan. 2002. *Paradigma Pendidikan Bersepadu: Perkembangan Dua Dekad. Wacana Pendidikan dan Pembangunan Manusia*. Bangi:Fakulti Pendidikan, UKM.
- Tepper, B.J. (2003), "Organisational citizenship behaviour and the spiritual employee", in Giacalone, R.A.and Jurkiewicz, C.L. (Eds), *Handbook of Workplace Spirituality and Organizational Performance*, Shubhi Publications, Gurgaon, pp. 181-190
- Thoresen, C. E. (1998). Spirituality, health and science. In S. Roth-Roemer, S. R. Kurpius, & C. Carmin (Eds.), *The emerging role of counseling psychology in health care* (pp. 409–431). New York: Norton.
- Tisdell, E. (2003). *Exploring spirituality and culture in adult and higher education*. San Francisco, CA: Jossey-B
- Waldman, D., & Galvin, Benjamin. M. (2008). Alternative Perspectives of Responsible Leadership. *Organizational Dynamics*, 37(4), 327-341. [https:// doi.org/10.1016/j .orgdyn.2008.07.001](https://doi.org/10.1016/j.orgdyn.2008.07.001)
- Welch, Marshall & Koth, Kent. (2013). A Metatheory of Spiritual Formation Through Service-Learning in Higher Education. *Journal of College Student Development*. 54. 612-627. 10.1353/csd.2013.0089.
- Yusoff, M.A dan Abdullah, A.H (2013). Pemimpin Menurut Pandangan Hamka: Satu Tinjauan Dalam Tafsir Al-Azhar. *Jurnal Al-Tamaddun Bil. 8* (1) 2013, 17-38. Universiti Malaya.
- Zohar, D. & Marshall, I. (2000). *SQ – Spiritual intelligence: The ultimate intelligence*. London: Bloomsbury.